



UPM Dipilih Ibu Pejabat Baru Persatuan Perikanan Asia



Prof. Yang Yi (kanan) menyampaikan pingat emas AFS kepada UPM yang diwakili Prof. Datuk Dr. Nik Mustapha R. Abdullah.

SERDANG, 20 Nov – Universiti Putra Malaysia (UPM) telah dipilih oleh Persatuan Perikanan Asia (AFS) sebagai lokasi ibu pejabat sekretariat barunya yang akan dipindahkan dari Manila, Filipina menjelang bulan hadapan.

UPM menewaskan saingan daripada Asian Institute of Technology (AIT) Bangkok, Network of Aquaculture Centres in Asia-Pacific (NACA), Bangkok dan Chulalongkorn University Thailand (CUT), ketiga-tiganya dari Thailand yang turut memohon dijadikan lokasi sekretariat.

AFS ditubuhkan pada tahun 1984 beribu pejabat di Manila sebelum ini mempunyai kira-kira 3,000 orang ahli daripada 77 negara-negara termasuk negara-negara bukan Asia seperti Amerika Syarikat, Kanada, Amerika Selatan, Afrika dan Eropah. Persatuan itu ditubuhkan oleh pakar perikanan negara Asia untuk membangunkan sektor perikanan dengan meningkatkan kerjasama antara penyelidik, jurutera dan pemegang saham dalam industri perikanan dan pengeluaran akuakultur.

Sehubungan itu UPM telah memeterai perjanjian (MoA) selama lima tahun dengan AFS untuk meningkatkan industri akuakultur dan perikanan di Malaysia.

MoA tersebut ditandatangani oleh Naib Canselor UPM, Prof. Datuk Dr. Nik Mustapha R. Abdullah dan AFS oleh Prof. Yang Yi dari China dengan disaksikan oleh Pengarah Institut Biosains, Prof. Dr. Fatimah Md. Yusoff dan Setiausaha AFS, Prof. Dr. Roshada Hashim.

Dalam majlis itu Prof. Yang Yi menyampaikan pingat emas AFS kepada UPM yang diwakili Dr. Nik Mustapha kerana peranan UPM dalam bidang perikanan dan akuakultur.

Dr. Nik Mustapha berkata UPM menyambut baik usahasama dengan AFS untuk meluaskan jaringan dalam bidang akademik dan penyelidikan perikanan.

"Perjanjian itu meliputi kerjasama intelektual dan mengendalikan latihan di peringkat negara dan antarabangsa, memudahkan rangkaian kakitangan UPM dengan ahli AFS di seluruh dunia dan menggalakkan aktiviti-aktiviti yang melibatkan perikanan," katanya selepas menandatangani perjanjian dengan AFS di UPM baru-baru ini.

"Jabatan Akuakultur di UPM turut mendapat faedah daripada jaringan teknologi akuakultur dan sains akuatik AFS di peringkat global. Bagi kepentingan negara, UPM akan mendafat faedah kepakaran AFS untuk meningkatkan industri perikanan dan akuakultur di Malaysia," katanya.

Menurut beliau UPM menyediakan pejabat untuk kakitangan AFS dengan kemudahan asas yang mencukupi di Institut Biosains UPM bagi memudahkan urusan pentadbirannya.

Beliau berkata industri akuakultur dan perikanan telah dikenalpasti sebagai salah satu kunci dalam pertumbuhan ekonomi negara dan kehadiran satu organisasi perikanan yang terkemuka di sini akan membuka pintu untuk mencapai matlamat tersebut.

Sementara itu, Presiden AFS, Prof. Yang Yi berkata AFS akan membantu UPM menambah rangkaian bidang perikanan dan akuakultur selain meningkatkan projek kerjasama UPM dengan agensi berkaitan perikanan tempatan dan antarabangsa.

"Perjanjian tersebut turut menawarkan kepada pelajar dan staf UPM akses percuma semua penerbitan AFS di Perpustakaan UPM untuk tujuan pembelajaran dan penyelidikan," katanya.

Beliau berkata dengan adanya sekretariat AFS di Institut Biosains UPM, ramai pelawat antarabangsa seperti saintis, ahli akademik dan pegawai perikanan akan mengunjungi kampus itu kerana AFS mempunyai jurnal saintifik yang diedarkan ke seluruh dunia.

"Sekretariat AFS akan membantu UPM mengendalikan konferen, seminar dan bengkel berkaitan perikanan dan akuakultur," katanya.

Disediakan oleh Seksyen Media, Bahagian Komunikasi Korporat UPM.